

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2021 PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR)

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah PPR di Sabah, berapa yang akan ditambah bagi tempoh 5 tahun ini dan adakah Kementerian akan memperluaskan Skim Sewa untuk Beli (Rent to Own,RTO) di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas keprihatinan terhadap Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sememangnya bertanggungjawab menyediakan perumahan yang berkualiti, kondusif serta berdaya huni (*livable*) kepada pelbagai kumpulan sasar, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

SOALAN NO : 33

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, program PPR yang dilaksanakan sejak 1982 adalah untuk menangani isu setinggan di bandar dan juga luar bandar. Setakat ini, Kementerian telah membina sebanyak 154 projek PPR di seluruh negara yang merangkumi 97,196 unit rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelaksanaan projek **PPR di Sabah setakat ini merupakan yang terbesar** iaitu sebanyak **33 projek yang telah siap dibina** merangkumi **23,009 unit** dan **5 projek dalam pembinaan** merangkumi **3,090 unit**. Lima (5) projek PPR yang sedang dalam pembinaan di Sabah adalah seperti berikut:

- i. PPR Kiansom, Inanam (1000 unit);
- ii. PPR Jalan Tungku, Lahad Datu (650 unit);
- iii. PPR Gayang II, Tuaran (500 unit);
- iv. PPR Tagasan (500 unit); dan
- v. PPR Pitas (440 unit).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selaras dengan matlamat RMKe-12 iaitu untuk membina 500,000 Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara, KPKT juga telah merancang untuk membina beberapa projek PPR di Sabah. Perkara ini adalah tertakluk kepada kesesuaian lokasi, cadangan tapak oleh Kerajaan Negeri dan peruntukan sedia ada yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Setakat ini, semua PPR di Sabah adalah di bawah kategori PPR Disewa dan tiada Skim Sewa untuk Dimiliki (*Rent to Own; RTO*). Jika terdapat keperluan, Kerajaan Negeri boleh berbincang dengan KPKT untuk mewujudkan skim RTO PPR di Sabah.

Sekian, terima kasih.